

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHRIN BIN  
ABBAS [TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta  
MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) usaha segera Kementerian untuk mengatasi kekurangan hampir 15,000 buah katil bagi mencapai nisbah 2.5 buah katil bagi tiap-tiap 1,000 orang pesakit di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara; dan
- (b) senarai hospital yang mengalami masalah kekurangan katil pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini sedang dalam usaha untuk meningkatkan nisbah katil bagi setiap 1,000 penduduk daripada 1.92 pada tahun 2013 kepada 2.5 menjelang tahun 2030 dengan memperkenalkan beberapa langkah yang akan menambah kepada akses kepada penjagaan kesihatan di hospital seperti berikut :
- i. Menaiktaraf hospital-hospital sedia ada melalui pembinaan blok tambahan bagi menampung perkembangan perkhidmatan dan kekurangan bilangan katil;
  - ii. Mengubahsuai ruang sedia ada di hospital yang tidak sesuai atau usang;
  - iii. Merancang pembinaan hospital baru di kawasan berpendudukan tinggi, sama ada sebagai gantian hospital sedia ada dengan perkhidmatan yang lebih komprehensif atau sebagai hospital tambahan kepada hospital sedia ada selaras dengan Perancangan penyampaian perkhidmatan keseluruhan;
  - iv. Mengoptimakan penggunaan hospital tanpa pakar yang kadar penggunaan katil yang masih rendah melalui program lawatan pakar berjadual, yang mana prasarana sedia ada perlu dinaiktaraf bagi menampung penyampaian perkhidmatan kepakaran tersebut; dan

- v. Bagi perancangan jangka panjang, Kementerian ini sedang mengkaji cadangan untuk mengintegrasikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di antara sektor awam dan swasta.
- (b) Pada amnya, semua hospital-hospital KKM yang mempunyai perkhidmatan kepakaran menghadapi masalah kesesakan termasuk kekurangan bilangan katil.